

► **ULASAN BUKU**

Panduan protokol dan etiket majlis rasmi

Judul: *Protocol and Etiquette in Managing and Attending Functions*

Penulis: Mokhtar Tohar

Penerbit: Universiti Putra Malaysia (UPM)

ISBN: 978-967-344-145-7

Harga: RM120 (kulit keras)

Halaman: 448 muka surat

Oleh **ROHANI IBRAHIM**


rencana@utusan.com.my

BUKU berbahasa Inggeris, *Protocol and Etiquette in Managing and Attending Functions* (Protokol dan Etiket dalam Mengurus dan Menghadiri Majlis) memberi panduan kepada mereka yang bertanggungjawab mengendalikan majlis dan meraikan tetamu dari dalam mahupun luar negara.

Mengandungi 448 halaman, buku ini menyentuh pelbagai topik menyeluruh berkaitan bidang berkenaan seperti anugerah darjah kebesaran; bintang dan pingat persekutuan; susunan keutamaan dan bahasa istana.

Buku ini menghuraikan asal-usul protokol, amalan protokol di zaman Kesultanan Melayu Melaka dan amalan protokol istana.

Prinsip dan amalan protokol perlu difahami dengan jelas kerana sebarang kelewatan, kecacatan dan kesilapan akan memberikan gambaran negatif terhadap orga-



nisasi dan peribadi yang terlibat.

Setiap pegawai dan kakitangan yang diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan protokol perlulah melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan supaya majlis berjalan dengan lancar dan sempurna.

Pengetahuan mengenai protokol membolehkan seseorang individu menyesuaikan

diri dalam mana-mana majlis tidak kiralah dari segi pergaulan, tingkah-laku dan pakaian sekali gus menjamin ketertiban dan kelicinan perjalanan majlis.

Pengetahuan mengenai protokol dan etiket wajib diketahui demi menjaga hubungan baik dengan negara asing supaya tidak tersilap dari segi panggilan hormat, susunan keutamaan, susunan tempat duduk dan sebagainya.

Perkara lain yang diterangkan dalam buku ini ialah kaedah penyusunan tempat duduk bagi pelbagai majlis mengikut amalan protokol bendera Malaysia dan negeri-negeri dalam Malaysia serta susunan pengibarannya.

Pembaca boleh mempelajari selok-belok penyediaan senarai jemputan bagi pelbagai majlis, pengacaraan majlis formal serta tanggungjawab dan peranan penyambut tetamu dalam pelbagai majlis formal dan tidak formal.

Pakaian dalam pelbagai situasi, cita rasa berpakaian dan pengayaan diri juga diterangkan secara terperinci.

Panduan lain yang dimuatkan dalam buku ini ialah etika pertemuan dan perkenalan, etika dalam perbualan sosial, kesopanan serta ketertiban di meja makan dan ketertiban dalam menghadiri pelbagai majlis rasmi.

Turut dijelaskan kepada pembaca ialah semua jenis panggilan hormat, sejarah dan peraturan tentang lagu kebangsaan, penyediaan atur cara pentadbiran dan mengurus serta menghadiri pelbagai keramaian.

Penulis buku ini, Mokhtar Tohar merupakan mantan Penolong Setiausaha Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang berpengetahuan dan berpengalaman luas dalam bidang berkaitan protokol dan etiket sosial.

Berkhidmat dengan kerajaan selama 35 tahun, beliau pernah mengetuai Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri. Semasa di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) pula, Mokhtar mengetuai Program Protokol dan Etiket Sosial.

Beliau pernah mengikuti pelbagai kursus protokol di luar negara termasuk Paris, London, negara anggota ASEAN dan Asia Barat.

Buku ini sesuai dimiliki sebagai rujukan untuk sebarang majlis berkaitan urusan rasmi di pejabat ataupun majlis peribadi seperti majlis perkahwinan ahli keluarga.

Ia juga berguna untuk diplomat asing atau mana-mana profesional warga asing yang bertugas di negara ini supaya mereka mendapat gambaran jelas mengenai protokol dan etiket dalam majlis yang dihadiri masyarakat dan pemimpin negara.